

11 JAN 2002

Isa-Pejabat

PEJABAT DAERAH BARU UNTUK SEREMBAN DAN PORT DICKSON

REMBAU, 11 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri akan membina dua pejabat daerah yang baru bagi Seremban dan Port Dickson, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad hari ini.

Beliau berkata permohonan kerajaan negeri untuk mendapatkan peruntukan kewangan dari Kementerian Kewangan bagi pembinaan pejabat daerah itu telah diluluskan baru-baru ini.

"Peruntukan kewangan bagi membina dua pejabat daerah baru itu sebanyak RM30 juta, masing-masing berharga RM15 juta, telah diluluskan Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini," katanya ketika ditemui selepas merasmikan pejabat Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) cawangan Istana Raja di sini.

Menurutnya reka bentuk kedua-dua bangunan pejabat baru itu disiapkan dua tahun lepas dan akan diteliti semula sebelum dilaksanakan.

Pembinaan pejabat baru itu akan dimulakan setelah kerajaan negeri mendapat peruntukan daripada kerajaan pusat, katanya.

"Pejabat daerah Seremban yang baru akan dibina di Seremban Dua dan kita sedang mencari lokasi sesuai bagi pejabat daerah di Port Dickson," katanya.

Ditanya mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan pada 19 Jan ini, Menteri Besar percaya Barisan Nasional (BN) tidak menghadapi masalah untuk menang dengan majoriti besar.

"Pembangkang tidak ada isu. Lagipun berdasarkan percakapan saya dengan calon dan pengundi kawasan itu, calon BN lebih diterima oleh pengundi berbanding calon pembangkang.

"Keadilan juga tidak ada calon. Calon mereka hanya tangkap muat sahaja supaya tidak memberi kemenangan percuma kepada BN," katanya.

Pada pilihan raya itu, BN diwakili bekas guru besar yang juga Ketua Wanita MCA negeri Ooi Ah Lan, 59, manakala Keadilan juga meletakkan bekas guru, Khoo Yang Chong, 60, sebagai calonnya.

Mengenai pertubuhan wanita di negeri ini, Mohamed Isa menggesa supaya setiap pertubuhan itu membawa masuk dan memberi peluang kepada golongan muda menjadi anggotanya.

"Kita tidak mahu, apabila golongan sekarang tidak lagi memimpin, tidak ada pemimpin muda yang sanggup memimpin dan pertubuhan itu akan lenyap begitu sahaja.

Beliau turut mencadangkan supaya pertubuhan-pertubuhan memberi tumpuan kepada sesuatu aktiviti supaya ia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan tiada pertindihan.

--BERNAMA

APG NAK